

<i>DOKUMEN</i>	<i>KOD</i>	<i>TARIKH</i>	<i>SEMAKAN</i>
Manual Pengurusan Krisis COVID-19	C19-2-6	16.11.2020	1
<i>PROSEDUR</i>	<i>HALAMAN</i>		<i>DARIPADA</i>
Prosedur Kebenaran Membuat Perjalanan Rentas Negeri Bagi Staf UniMAP	1		2

1. Tujuan

Prosedur ini dibangunkan untuk mengawal selia pergerakan staf yang bagi perjalanan rentas negeri bukan atas urusan tugas rasmi.

2. Skop

Pemakaian ini adalah untuk semua staf UniMAP yang hendak membuat perjalanan rentas negeri bukan atas urusan tugas rasmi.

3. Definisi

3.1 **Staf** – Individu yang dilantik bekerja di UniMAP.

3.2 **COSHE** – Pejabat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan, UniMAP

4. Langkah-langkah

Bil	Langkah-langkah	Tanggungjawab/Bila	Output
Sebelum Membuat Perjalanan Rentas Negeri			
1.	Staf perlu membuat permohonan cuti tahunan dan mengisi borang kebenaran membuat perjalanan rentas negeri (bukan tugas rasmi) dan dihantar untuk kelulusan Ketua Jabatan.	Staf	Permohonan Cuti melalui IUS-HRM dan Borang Membuat Perjalanan Rentas Negeri (500-5/1/4)
2.	Semakan permohonan cuti tahunan dan borang membuat perjalanan rentas negeri. Ketua Jabatan perlu menilai keperluan dan risiko sebelum membuat keputusan.	Ketua Jabatan	Kelulusan Cuti Tahunan dan Kebenaran Membuat Perjalanan Rentas Negeri
3.	Borang Kebenaran Rentas Negeri yang telah ditandatangani perlu di rekodkan di Pusat Tanggungjawab dan sesalinan dihantar ke emel bencana@unimap.edu.my	Staf/Kerani Cuti- Selepas mendapat kebenaran dari ketua jabatan	

Semasa Berada Di Luar			
5.	<p>Staf perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan sentiasa memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dan mengamalkan penjarakan fizikal serta elakkan kawasan sesak dan sempit.</p>	Staf	
Selepas Pulang			
6.	<p>Staf dipohon untuk membuat Pengasingan sendiri selama tiga (3) hari selepas sampai ke kediaman.</p> <p>Pengasingan sendiri bukan bermaksud Cuti Kuarantin (Cuti Tanpa Rekod)..</p> <p>Pengasingan sendiri adalah sebagai langkah awal memutuskan rantai COVID-19. Staf perlu memohon daripada Ketua Jabatan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) dalam tempoh ini dan perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.</p> <p>Sekiranya staf ingkar menjalankan tugas semasa tempoh BDR, Ketua Jabatan berhak mengarahkan staf untuk memohon Cuti Rehat.</p>	Staf	<p>Borang Bekerja dari Rumah (500-5/3/2) / Permohonan Cuti melalui IUS-HRM</p>
7.	<p>Sekiranya staf mempunyai mana-mana simptom/ gejala seperti <i>Annex 1</i> semasa tempoh pengasingan sendiri, staf tidak dibenarkan hadir bekerja dan perlu mendapat rawatan.</p> <p>Jika disahkan bergejala dan diberi surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit COVID-19 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, staf perlu mengisi borang Cuti Kuarantin.</p>	Staf	Borang Cuti Kuarantin
8.	<p>Staf perlu membuat permohonan Deklarasi Kesihatan di pautan hd.unimap.edu.my sebelum dibenarkan hadir.</p>	Staf	<p>Borang Deklarasi Kesihatan (http://hd.unimap.edu.my)</p>

No.Fail : 500-5/1/4			
BORANG KEBENARAN RENTAS NEGERI STAF UniMAP (BUKAN TUGAS RASMI)			
<i>Butiran Staf</i>			
Nama		No. Staf	
Jawatan		Gred	
PTJ		No. Telefon	

<i>Butiran Perjalanan</i>			
Destinasi			
Tujuan			
Tarikh Mula Bercuti		Tarikh Akhir Bercuti	
Tarikh Pulang		Taikh Masuk Kerja	

<i>Perakuan Permohon</i>		<i>Kelulusan Ketua Jabatan</i>	
<i>(Ruangan Tandatangan)</i>		<i>(Ruangan Tandatangan)</i>	
Nama		Nama	
Cop Jawatan		Cop Jawatan	

Annex 1: Definisi Kes COVID-19

1. Suspected Case of COVID-19

Seseorang yang memenuhi **kriteria klinikal dan epidemiologi**:

a. **Kriteria Klinikal**

Apabila tiada diagnosis yang menjurus:

i. Sekurang-kurangnya ada DUA gejala berikut:

- Demam
- Badan seram sejuk
- Kekejangan otot
- Mialgia
- Sakit kepala
- Sakit tekak
- Mual atau muntah
- Cirit birit
- Keletihan
- Serangan akut hidung tersumbat atau selesema

ATAU

ii. Salah satu gejala berikut:

- Batuk
- Sesak nafas
- Hilang deria bau secara tiba-tiba
- Hilang deria rasa secara tiba-tiba

b. **Kriteria Epidemiologi**

Menghadiri sesuatu acara atau melawat ke suatu kawasan yang mempunyai kes kluster COVID-19 atau zon merah.

Zon merah adalah kawasan yang telah dikenalpasti mempunyai kebolehjangkitan virus yang tinggi dalam tempoh 14 hari pengumpulan data dan data tersebut sentiasa dikemaskini oleh CPRC KKM.

ATAU

Baru kembali dari negara luar dalam tempoh 14 hari sebelum bermulanya gejala/ penyakit;

ATAU

Kontak rapat dengan kes positif COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum bermulanya gejala/penyakit.

Kontak rapat ditakrifkan:

- Petugas kesihatan yang berisiko terdedah dan tidak memakai PPE yang sesuai ketika mengurus pesakit COVID-19, melawat pesakit COVID-19 atau berada bersama pesakit COVID-19 di dalam satu kompoun.
- Bekerja bersama di dalam satu kompoun yang tertutup.
- Perjalanan yang sama dengan pesakit COVID-19.
- Duduk serumah dengan pesakit COVID-19

2. Probable Case of COVID-19

Seseorang yang positif RTK Antigen dan masih menunggu keputusan RT-PCR.

ATAU

Kes yang disyaki melalui penemuan melalui X-ray paru-paru yang menjurus ke arah COVID-19. Walaubagaimanapun, pengimejan diagnostik bukan siasatan utama untuk mengesyaki COVID-19 melainkan ada *clinical suspicion* jangkitan paru-paru akut.

3. Confirmed Case of COVID-19

Seseorang yang telah disahkan melalui ujian makmal mempunyai virus COVID-19, samada mempunyai gejala atau tidak.

4. Person Under Surveillance (PUS) for COVID-19

Seseorang yang tidak mempunyai gejala dan tertakluk kepada perintah Home Surveillance Order (HSO)